

DATE: 6/12/2009

Kedudukan beberapa timbalan menteri diteliti – PM

um - 6/12/09

Tiada rombakkan

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 5 Dis. – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, tidak akan berlaku sebarang rombakan Kabinet membabitkan menteri dalam waktu terdekat ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan, beliau akan meneliti secara terperinci kedudukan beberapa timbalan menteri.

“Saya belum fikir lagi. Ia (rombakan Kabinet) boleh dilakukan pada bila-bila masa. Pada masa sekarang, tidak perlu dilakukan rombakan Kabinet kerana yang ada sekarang baru sahaja dibentuk iaitu cuma lebih kurang tujuh bulan yang lalu.

“Dalam pada itu, beberapa perkara di peringkat timbalan menteri yang saya perlu lihat secara terperinci,” kata beliau.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan pingat acara badminton Program Tahunan Isteri Wakil-Wakil Rakyat Barisan Nasional Malaysia 2009 di Dewan Majlis Perbandaran Seremban di sini hari ini.

Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor yang juga Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan isteri, Raja Datin Seri Salbiah Tengku Njumuddin merangkap Yang Dipertua Persatuan Isteri-Isteri Wakil Rakyat Negeri Sembilan (Pekerti).

Kata Najib lagi, adalah tidak sesuai dalam masa tujuh bulan Kabinet yang dibentuk itu sekali lagi dirombak.

“Kalau kita rombak terlalu kerap, ia akan menjejaskan kemampuan menteri yang menjalankan tugas berkenaan.

“Ini kerana pertukaran yang melibatkan dalam tempoh yang pendek ini boleh mengganggu kelicinan pentadbiran kerajaan,” kata beliau.

Lihat muka 2

Sambungan dari muka 1

Tiada rombakkan

Ditanya pemberita kemudiannya jika berlaku rombakan. Kabinet bilakah waktu yang sesuai.

Najib bagaimanapun berkata, beliau tidak boleh memberitahu wak-

tunya kerana itu akan menyebabkan jemaah Kabinet sedia ada merasa tidak selesa.

“Saya tidak boleh nyatakan tempohnya. Terpulanglah sesiapa pun yang

menjadi Perdana Menteri dan merasakan perlunya ada perubahan, waktu itu akan berlaku rombakan Kabinet.

“Apa yang penting hendak saya tegaskan ialah perlu diingatkan jika

berlaku rombakan Kabinet, ia hendaklah mampu meningkatkan pentadbiran kerajaan dan bukan hanya semata-mata untuk melakukan rombakan,” tegas beliau.